

# UASA EKSTRA

Bahagian

A

## Tatabahasa

### Ayat Tunggal, Ayat Majmuk, Ayat Seruan, Ayat Perintah, Ayat Aktif, Ayat Pasif, Ayat Susunan Biasa, dan Ayat Susunan Songsang

Soalan 1 – 8

Tema 6: Sains, Teknologi dan Inovasi, Tema 7: Kelestarian Alam, dan Tema 9: Integriti

Pilih ayat yang betul.

Buku Teks: m.s. I25, I26, I32, I36, I37, I49, I50, I56, I62, I95, I96, 202, 206

1. A Tidak ada siapa-siapa di dalam kotak ini.  
B Tolong belikan saya dua keping setem di pejabat pos.  
C Eh, rupanya kamu berjiran dengan Muneswaran!  
D Lelaki itu tidak mahu mengakui perbuatannya bila disoal oleh polis.
  
2. A Wah, besarnya bilik tidur kamu!  
B Tolong jangan pijak rumput di sini.  
C Adila atau adiknya tidak suka makan gula-gula.  
D Beribu penonton membanjiri stadium itu untuk menyaksikan perlawanan bola sepak.
  
3. A Cuaca pada hari ini teramat cerah sekali.  
B Sila duduk sebentar sementara saya memanggil ibu saya.  
C Memudahkan para-para pemandu kereta kamera papan pemuka.  
D Buku-buku di atas meja itu sudah disusun oleh saya sebelum saya ke sekolah.
  
4. A Syabas, pasukan badminton sekolah kita telah menang!  
B Petani moden-petani moden itu menyembur racun menggunakan dron.  
C Ruslina atau keluarganya bercuti di Pulau Langkawi minggu lepas.  
D Harap semua peserta pertandingan bercerita berkumpul di tepi dewan sekarang.
  
5. A Dia tidak datang ke sekolah hari ini oleh kerana sakit perut.  
B Semua pengawas sekolah itu menjalankan tanggungjawab dengan baiknya.  
C Wahai, sedih betul saya mendengar cerita tentang mangsa penderaan itu!  
D Minta tanggalkan kasut sebelum masuk ke bilik pengurus.
  
6. A Amboi, sudah lama kita tidak berjumpa!  
B Usah jangan bermain-main di kawasan lombong terbiar itu.  
C Penciptaan alatan canggih memudahkan kehidupan manusia.  
D Ikhmal melayari Internet tetapi abangnya berbual dengan rakannya melalui media sosial.

7. A Nah, gunakanlah wang ini semasa kamu melancong ke Kelantan nanti!  
B Sampah membuang ke dalam tong yang disediakan Suzy.  
C Tolong semua bertenang kerana sebentar lagi majlis akan bermula.  
D Kereta yang abang pandu itu menggunakan tenaga solar.
8. A Cis, terimalah bantuan daripadaku yang tak seberapa ini!  
B Kakak membaca e-mel daripada rakannya di dalam bilik.  
C Harap sila gunakan jejantas semasa melintas jalan yang sibuk itu.  
D Hadi tinggal bersama-sama keluarga bapa saudaranya sejak dari umurnya tiga tahun.

## Pemahaman Petikan (Teks Tunggal & Teks Pelbagai)

### Teks Tunggal

Soalan 1 hingga 3

Tema 7: Kelestarian Alam

Buku Teks: m.s. 143 – 166

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Anifah, Kim Jun, dan Grace berhasrat untuk menyertai pertandingan Jom Kitar Semula yang dianjurkan di sekolah mereka. Program itu dijalankan selama dua minggu bermula semalam. Para peserta pertandingan dikehendaki untuk menghasilkan satu produk daripada bahan kitar semula. Selain menggalakkan murid-murid mengamalkan kitar semula, program itu diharapkan dapat memberikan kesedaran tentang kepentingan melestarikan alam. Pertandingan tersebut juga mampu menerapkan nilai-nilai murni kepada murid melalui aktiviti kitar semula.

Sekjak tengah hari tadi Anifah dan rakan-rakannya itu berbincang di rumah Grace. Mereka bertukar-tukar idea mengenai bahan dan kos yang diperlukan untuk menghasilkan produk tersebut. Puan Cathy, ibu Grace mencadangkan mereka mencipta sebuah tabung. Anifah dan rakan-rakannya akhirnya mencapai kata sepakat.

- I. Mereka berbincang untuk menghasilkan produk kitar semula di  
A rumah Kim Jun.  
B rumah Anifah.  
C rumah Grace.  
D sekolah.
2. Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.  
A Puan Cathy ialah ibu Kim Jun.  
B Pertandingan Jom Kitar Semula dijalankan selama seminggu.  
C Anifah dan rakan-rakannya mula berbincang pada waktu tengah hari.  
D Anifah dan rakan-rakannya memenangi pertandingan Jom Kitar Semula.

3. Berikut merupakan tujuan pertandingan Jom Kitar Semula *kecuali*
- A menerapkan nilai-nilai murni kepada murid melalui aktiviti kitar semula.
  - B memberikan kesedaran tentang kepentingan melestarikan alam.
  - C menggalakkan murid-murid mengamalkan kitar semula.
  - D mengisi masa lapang murid-murid.

## Teks Pelbagai

### Soalan 4 hingga 7

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

#### BAHAN 1

# PROGRAM GERAK DAN PUNGUT TAMAN SRI PERDANA



**Tarikh:** 25 Mac 2024  
**Masa:** 8:00 pagi hingga 11:00 pagi  
**Kawasan sasar:**

- Perumahan                  • Bangunan kedai
- Taman permainan        • Kawasan tasik

**Atur cara:**

**8:00 pagi:**

- Taklimat
- Pembahagian kumpulan dan ketua kumpulan
- Peserta bergerak sambil *memungut* sampah

**11:00 pagi:**

- Jamuan ringan
- Bersurai

#### BAHAN 2

Afnan dan penduduk Taman Sri Perdana telah menyertai Program Gerak dan Pungut yang diadakan di kawasan tempat tinggal mereka. Program tersebut telah diadakan pada hari Sabtu yang lalu. Menurut Pengurus Persatuan Penduduk Taman Sri Perdana, program tersebut dianjurkan untuk memupuk kesedaran menjaga kebersihan tempat tinggal, menceriakan kawasan tempat tinggal, dan mengeratkan hubungan antara masyarakat taman tersebut.

Para peserta bergerak mengikut kumpulan masing-masing sambil *memungut* sampah sarap di kawasan tersebut. Afnan bertugas di taman permainan. Walaupun letih, Afnan dan penduduk Taman Sri Perdana berasa sangat gembira dan berpuas hati. Berkat kerjasama semua, mereka dapat menjayakan program tersebut sehingga selesai.

4. Apakah aktiviti pertama yang dilaksanakan semasa Program Gerak dan Pungut?
- A Bersurai
  - B Taklimat
  - C Memilih ketua kumpulan
  - D Membahagikan kumpulan
5. Berkat kerjasama semua, mereka dapat menjayakan program tersebut sehingga selesai.
- Peribahasa yang sesuai dengan frasa bergaris di atas ialah
- A bagai isi dengan kuku.
  - B seperti cincin dengan permata.
  - C rajin dan usaha tangga kejayaan.
  - D berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.
6. Perkataan *memungut* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan
- A menunduk. C memegang.
  - B mengutip. D membuang.
7. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A Program itu dijalankan selama lima jam.
  - B Afnan memungut sampah di kawasan tasik Taman Sri Perdana.
  - C Hubungan penduduk bertambah rapat selepas menjalankan program itu.
  - D Penduduk tidak letih melakukan aktiviti kerana gembira dan berpuas hati.

## Bahagian B

### Tatabahasa dan Pemahaman Petikan

Tema 9: Integriti

Buku Teks: m.s. 189 – 210

Baca petikan di bawah dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Razlan murid 5 Dahlia. Dia baru berpindah ke Sekolah Kebangsaan Bukit Indah. Oleh sebab perwatakan Razlan baik dan berdisiplin, maka Cikgu Ronnie telah melantiknya sebagai ketua pengawas sekolah.

Razlan sangat gembira. Dia berjanji akan memikul tanggungjawab itu dan menjalankan tugasnya sebagai ketua pengawas sekolah sehabis baik.

I. (a) Razlan baru berpindah ke \_\_\_\_\_.

[1 markah]

- (b) Nyatakan sikap Razlan yang menyebabkan dia dilantik sebagai ketua pengawas sekolah.

---

---

[2 markah]

- (c) Gariskan satu kata nama khas yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Razlan murid 5 Dahlia.

[1 markah]

- (d) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

Dia berjanji akan menjalankan tugasnya sebagai ketua pengawas sekolah.

Dia akan berjanji untuk menjalankan tugasnya sebagai ketua pengawas sekolah.

Dia berikrar mahu menjalankan tugasnya sebagai ketua pengawas sekolah.

[1 markah]

## Respons Kritis dan Kreatif

Tema 9: Integriti  
Buku Teks: m.s. 189 – 210

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut. Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Kamu sedang bersiap untuk menghadiri mesyuarat pengawas di sekolah. Pada masa yang sama, seorang rakan kamu meminta kamu menemaninya ke kedai koperasi untuk membeli hadiah bersempena dengan sambutan Hari Guru.

Sebagai rakan, apakah yang akan kamu lakukan??

---

---

---

---

[5 markah]

## Bahagian C

### Penulisan Perenggan

Tema 7: Kelestarian Alam

Buku Teks: m.s. 143 – 166

Grafik di bawah menunjukkan tentang situasi di sebuah taman bunga yang bersih dan indah.

Tuliskan pendapat kamu tentang kepentingan menjaga alam sekitar.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.



---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[10 markah]

### Penulisan Karangan

Tema 8: Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan

Buku Teks: m.s. 167 – 188

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

#### HARI USAHAWAN SEKOLAH



---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---



